

# MOHAMMAD NAZRI MOHD NOOR

## (PENGURUS PASUKAN BOLA SEPAK KUKUM - KUKUM FT)

Kolum PERSONALITI kali ini akan mendekati seorang lagi kakitangan KUKUM yang juga merupakan Pengurus pasukan bola sepak KUKUM FT iaitu Mohammad Nazri Mohd Noor dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer dan Perhubungan. Selaku Pengurus pasukan KUKUM FT sudah tentu beliau ada cerita menarik yang ingin dihabarkan kepada semua warga KUKUM setelah pasukan ini muncul juara Edisi 2004 Kejohanan Bola Sepak Piala Bumita pada 9 Oktober lalu.

*Assalamualaikum w.b.t. Terima kasih di atas kesudian En. Nazri meluangkan masa bersama MyKUKUM untuk Edisi VIII. Sebelum kita mulakan sesi ini mungkin En. Nazri boleh menceritakan tentang latar belakang En. Nazri secara ringkas?*

Waalaikumsalam w.b.t. ... mmm.... terkejut dan terharu saya sebab tiba-tiba didatangi pihak penerbitan MyKUKUM untuk mengundang saya mengisi Kolum Personaliti. Terima kasih kembali kepada pihak penerbitan MyKUKUM di atas penghargaan ini. Saya mula berkhidmat di KUKUM pada 21hb Disember 2002 sebagai Pegawai Latihan Vokasional di Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer & Perhubungan. Sebelum itu, saya bekerja sebagai seorang jurutera pembangunan dan penyelidikan (R&D Engineer) elektronik dalam sektor industri di Sungai Petani, Kedah, lebih kurang tiga tahun bekerja di situ sebelum berpeluang untuk berhijrah ke KUKUM pula.

*Bolehkah En. Nazri menceritakan tentang macam mana KUKUM FT ini ditubuhkan?*

Sejarah awal penubuhan KUKUM FT ini bermula sekembalinya kontinjen sukan staf dari mewakili KUKUM ke Karnival Sukan Staf Antara Universiti ke-28 yang dianjurkan oleh Universiti Malaysia Sabah, UMS di Sabah pada tahun lepas (April 2003). Sebenarnya semasa saya mula berkhidmat dahulu pun sudah ada sebuah pasukan bola sepak KUKUM tidak rasmi dan pasukan awal ini telah pun mengadakan beberapa perlawanan persahabatan dalam negeri Perlis. Apabila KUKUM mula menyertai Karnival Sukan Staf di UMS, Sabah

2003, pada bulan Februari 2003, saya telah dilantik oleh Prof. Madya Dr. Ismail Daut, *chef-de-mission* ketika itu untuk membentuk dan menguruskan sebuah pasukan staf bagi persiapan ke kejohanan tersebut.

Pada mulanya, dalam fikiran saya, ini hanyalah buat sementara waktu, iaitu untuk ke sukan staf tersebut sahaja. Selepas kejohanan tersebut, pemain-pemain dan jurulatih mula menyuarakan hasrat yang mereka masih berkehendakkan sebuah pengurusan bagi membangunkan aktiviti bola sepak dalam universiti ini. Jadi untuk tidak menghampakan kehendak tersebut, saya telah berjumpa dengan ramai pihak, terutama sekali Presiden Kelab Kakitangan KUKUM, saudara Ezral untuk bertanyakan pendapat beliau. Saya juga telah mendapat sokongan dan dorongan dari pengurus pasukan bola sepak staf UUM, yang telah membawa UUM menjadi johan antara universiti 3 tahun berturut-turut, agar satu pengurusan yang teratur perlu diwujudkan dalam KUKUM.

Memang susah juga pada mulanya, tetapi dengan dorongan pemain, jurulatih dan banyak pihak lagi, maka satu kertas kerja pendaftaran sebuah pasukan bola sepak kakitangan rasmi telah dibuat dan diserahkan kepada Dato' Rektor dan Kelab Kakitangan KUKUM. Akhirnya, pada 27 Jun 2003 pasukan bola sepak kakitangan KUKUM telah diwujudkan secara rasmi dengan membawa nama KUKUM Football Team atau KUKUM FT. Dato' Rektor sendiri telah memberi galakan yang tinggi terhadap pembentukan ini. Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada semua terutama sekali kepada Dato' Rektor kita atas sokongan yang tidak terhingga ini.

*Mengapa pasukan bola sepak KUKUM dinamakan 'KUKUM FT' dan bukan 'KUKUM FC' En. Nazri?*

Kenapa saya pilih KUKUM FT? Hmm.... yang pertama sebab ia sebuah pasukan bola sepak dan bukan sebuah kelab. Bukankah kita sudah ada satu kelab besar, Kelab Kakitangan KUKUM, jadi memang wajar jika KUKUM FT merupakan sebuah pasukan staf di bawah kelab ini. Saya

berkehendakkan agar pasukan bola sepak KUKUM FT ini dibarisi oleh kakitangan KUKUM sahaja, dan Alhamdulillah setakat ini, ia berjaya dibentuk.

Yang kedua sebab nama 'KUKUM FC' sudah pun diambil oleh pasukan pelajar KUKUM. Pelajar kita pun ada menubuhkan satu pasukan bola sepak juga.

*Sepanjang tahun 2004 ini KUKUM FT dilihat banyak memasuki kejohanan bola sepak yang dianjurkan oleh pelbagai organisasi. Bolehkah En. Nazri menjelaskan tentang kejohanan yang telah disertai sepanjang tahun ini?*

Sepanjang 2004, KUKUM FT telah menyertai banyak kejohanan. Awal tahun ini, KUKUM FT telah menyertai sukan MAKSAS Negeri Perlis, Kejohanan Bola Sepak Piala Bumita 2004 diikuti dengan Sukan Staf Antara Universiti ke-29 di UKM. Selepas itu, ada pula Liga Perlis 2004 dan yang terakhir adalah Piala FA Perlis yang lebih dikenali sebagai Piala MB 2004.

Selain daripada kejohanan yang besar, KUKUM FT juga tidak ketinggalan untuk menghantar perwakilan bagi menyertai kejohanan kecil seperti yang dianjurkan oleh UITM Arau, Cawangan UMNO Batu Bertangkup, Kilang CIMA dan juga tidak ketinggalan yang dianjurkan oleh KUKUM sendiri semasa kejohanan 5 sebelah Piala Tuanku Canselor.

*Sebagai seorang Pengurus Pasukan bola sepak KUKUM sudah tentu tugas berat menanti anda dalam menguruskan sebuah pasukan yang mempunyai lebih kurang 22 orang pemain. Apakah pendekatan yang digunakan bagi memastikan pasukan yang dibentuk ini mampu mengecapi kejayaan?*


Perancangan saya pada mula-mula dahulu adalah untuk mewujudkan sesi latihan yang berterusan agar mampu untuk meningkatkan lagi kualiti pada semua pemain yang terpilih menyertai KUKUM FT ketika itu. Namun, perancangan awal ini tidak mencukupi kerana beberapa faktor seperti :

- (a) Teknik dan skil pemain sendiri
- (b) Disiplin
- (c) Semangat
- (d) Beban dan tanggungjawab

Oleh itu, selain sesi latihan yang berterusan, saya telah membuat beberapa tambahan dari segi perancangan saya untuk mewujudkan sebuah pasukan yang lebih mantap. Beberapa pendekatan tersebut seperti memasukkan pemain baru, meningkatkan aktiviti perlawanan persahabatan terutama sekali dengan pasukan-pasukan lawan yang jauh lebih hebat diaturkan, seperti yang pernah dibuat ketika KUKUM FT menentang Naib Johan Piala Malaysia 2004, pasukan negeri Kedah. di Stadium Darul Aman, Alor Setar. Selain itu, saya juga telah mendedahkan KUKUM FT ke pelbagai kejohanan bagi meningkatkan keyakinan mereka untuk bermain dalam suasana pertandingan.

*Adakah kemasukan beberapa pemain-pemain yang pernah bermain untuk institusi atau pasukan lain sebelum ini merupakan faktor utama mantapnya KUKUM FT kerana kemasukan pemain-pemain ini menunjukkan KUKUM FT mempunyai aset pemain-pemain yang berkaliber dan mantap dari segi kepantasan, skil, gerakan yang cantik serta berkeyakinan tinggi ketika beraksi?*

Sasaran KUKUM FT seperti yang dijelaskan dalam kertas kerja penubuhan pasukan adalah untuk menjadi pasukan yang terbaik di kalangan IPTA dan di negeri Perlis. Kemasukan pemain baru ke KUKUM FT memang menjadi kunci utama pembentukan pasukan yang mantap. Ini kerana dengan kemasukan mereka yang pernah bermain di berbagai-bagai institusi atau pasukan lain, ia dapat mencurahkan pengalaman dan mendedahkan seluruh pasukan ke suatu level atau paras kesedaran yang lebih tinggi. Keyakinan untuk bermain bola dengan lebih baik juga wujud di kalangan pemain sedia ada dengan adanya mereka ini. Mereka



merupakan intipati dalam sumbangan untuk membangunkan skil dan abiliti kesemua pemain dalam KUKUM FT.

Saya memangku, menggugurkan pemain lama kerana memasukkan pemain baru merupakan satu keputusan yang sukar dan perit serta memerlukan keprihatinan, tetapi untuk pengetahuan semua, ia merupakan satu pendekatan yang amat baik buat pembentukan sebuah pasukan yang kuat. Hasilnya dapat dilihat sekarang, memang payah nak menguruskan sebuah pasukan terutama sekali apabila sebuah pasukan tersebut meningkat begitu mendadak. Tekanan dan desakan yang dialami sekarang oleh KUKUM FT tidak lagi seperti dahulu. Bersemangat dan berdisiplin untuk bermain dan merebut kejuaraan. Saya rasa pemain-pemain dan jurulatih juga sedang merasai bahang yang telah diwujudkan oleh mereka sendiri.

**Selama tempoh selaku Pengurus Pasukan KUKUM FT, apakah kekurangan atau kelemahan yang dilihat masih wujud dalam pasukan KUKUM FT dan apakah pendekatan yang diambil bagi mengatasi kelemahan tersebut?**

KUKUM FT masih belum lagi mencapai di kedudukan yang boleh dianggap sebuah pasukan yang mantap. Kita diibaratkan sudah berjaya merangkak dan mula nak belajar untuk berjalan. Belum matang sepenuhnya lagi, tetapi saya bersyukur dan berpuas hati dengan prestasi pembangunan KUKUM FT buat ketika ini. Faktor-faktor yang saya sebut sebelum ini masih lagi merupakan kelemahan dalam pasukan yang perlu diperbaiki lagi dalam usaha untuk mengatasi masalah dan kelemahan ini.

KUKUM FT masih belum lagi mencapai di kedudukan yang boleh dianggap sebuah pasukan yang mantap. Kita diibaratkan sudah berjaya merangkak dan mula nak belajar untuk berjalan. Belum matang sepenuhnya lagi, tetapi saya bersyukur dan berpuas hati dengan prestasi pembangunan KUKUM FT buat ketika ini. Faktor-faktor yang saya sebut sebelum ini masih lagi merupakan kelemahan dalam pasukan yang perlu diperbaiki lagi dalam usaha untuk mengatasi masalah dan kelemahan ini.

Faktor kelemahan dalam struktur organisasi juga agak menyukarkan saya terutama sekali dari segi pembahagian dalam tugas-tugas pengurusan pasukan. Buat masa ini, struktur organisasi pengurusan masih boleh digunakan, tetapi saya menjangkakan disebabkan

pembangunan KUKUM FT agak besar dan cepat, maka beban tanggungjawab juga makin besar dan perlu diagihkan. Jadi untuk masa akan datang, beban tugas pengurusan akan dipecahkan kepada beberapa ahli dalam KUKUM FT.

Selain dari itu, masalah mendapatkan sumber kewangan untuk perbelanjaan pasukan juga menjadi bentuk setback atau rintangan yang perlu diatasi, agak memeningkan kepala juga sebab banyak melibatkan perbelanjaan terutama sekali sebab aktiviti KUKUM FT agak banyak sepanjang tahun 2004.

**Apakah kunci kepada kejayaan KUKUM FT sehingga berjaya merangkul juara dalam Kejohanan Bola Sepak Piala Bumita Perlis Oktober lalu?**

Semangat dan imej universiti! Apa yang saya nampak adalah semangat seluruh warga KUKUM yang menyumbang kepada kejayaan kita menggondol Piala Bumita 2004. Daripada Dato' Rektor sendiri yang memberi tiupan semangat kepada para pemain KUKUM FT kepada pengurusan latihan yang lebih intensif dan kepada semua jabatan yang begitu memahami pengorbanan KUKUM FT dan akhirnya kepada pasukan penyokong yang sentiasa membayangi KUKUM FT dalam melalui semua perlawanan sehingga menjejakkan kaki ke Peringkat Akhir Kejohanan Piala Bumita 2004.

Tambahan lagi, kita semua maklum, sukan bola sepak merupakan satu acara sepasukan atau 'teamwork'. Selain daripada sokongan padu, keakraban pasukan menjadi tonik yang penting untuk mewujudkan permainan yang kemas dan teratur. Gabungan semua pemain yang berbeza-beza gaya permainan akan menjadi jentera yang begitu mantap jika kesemua pemain memahami gaya permainan rakan-rakan mereka. Itulah sebabnya saya amat tekankan agar kadar latihan dibuat dengan begitu kerap, lebih-lebih lagi jika ingin mencapai sasaran menjadi sebuah pasukan jaguh dan digeruni pihak lawan.

**Adakah sokongan dan perangsang daripada seluruh warga KUKUM membantu pasukan anda mencapai kejayaan?**

Untuk pengetahuan ini bukan pasukan saya, ini pasukan universiti. KUKUM FT, bukan Nazri FT, saya menjalankan tugas untuk menguruskan

pasukannya sahaja, sekurang-kurangnya dapat memberi struktur operasi yang lebih berorganisasi, saya menjalankan tugas pun ikut bimbingan dan nasihat hala tuju Dato' Rektor serta nasihat beberapa orang tertentu...

Memang tidak dinafikan, sebelum ini pun sudah saya menyatakan bahawa kejayaan KUKUM FT adalah disebabkan sokongan seluruh warga KUKUM. Ini memang jelas saya dapati terutama sekali apabila ke mana-mana saya pergi orang akan kenal saya sebab jawatan sebagai pengurus KUKUM FT dan akan lebih bertanyakan macam mana dengan keadaan KUKUM FT ketika ini atau mengucapkan tahniah di atas kemenangan pasukan ataupun memberi sepatah dua kata untuk menaikkan semangat, saya sampaikan mesej-mesej ni kepada pemain-pemain, dan saya rasa inilah rangsangan yang menyebabkan mereka bermain untuk cemerlang dan menaikkan nama universiti lagi.

**Melihat kepada usia penubuhan KUKUM FT yang hampir mencecah 2 tahun dan pelbagai kejayaan dicapai, adakah ura-ura atau cadangan untuk menubuhkan kelab penyokong KUKUM FT? kerana apa yang nyata dalam perlawanan bola sepak, amnya sokongan daripada peminat pasukan itu adalah azimat kepada kemenangan.**

Saya rasa adalah lebih baik untuk Kelab Kakitangan KUKUM yang berperanan untuk mewujudkan satu pasukan penyokong. Ini kerana kelab penyokong itu boleh memberi sorakan kepada semua acara sukan selain bola sepak, termasuk juga seperti acara badminton, olahraga, tenis, bowling, sepak takraw dan bola jaring. Bahkan bukan setakat bidang sukan sahaja, pasukan penyokong boleh juga memberi sorakan untuk acara pidato ke tarian kebudayaan kita ke.. orkestra KUKUM ke atau mana-mana acara atau pertandingan yang disertai KUKUM. Setakat ini saya ada juga usulkan cadangan ini kepada pihak-pihak yang tertentu. Ia masih dalam perancangan dan belum dapat dipastikan keberkesannya.

Untuk bola sepak sahaja? bagi saya itu ... no komen ... kalau ada pun yang tidak rasmi tetapi untuk penubuhan satu kelab penyokong, itu dah terlampau besar untuk saya urus.

**Apakah strategi yang dirangka oleh KUKUM FT bagi mencipta lebih banyak kejutan dan kejayaan dalam arena bola sepak?**

KUKUM FT mempunyai strategi untuk melemahkan semangat pasukan pihak lawan. Salah satu faktor strategi mental adalah perang psikologi menerusi keserasian dari segi keseragaman pemain-pemain KUKUM FT. KUKUM FT berhasrat hendak cuba menaikkan tekanan mental (mental

pressure) pada pihak lawan dengan menimbulkan perasaan gerun atau tergamam apabila melihat seluruh pasukan KUKUM FT turun ke tengah dan tepi padang dengan berseragam baik dari segi peralatan mahupun dari segi sesi sewaktu permainan atau perlawanan.

Untuk membawa kejayaan dalam arena bola sepak, KUKUM FT berhasrat untuk menambahkan lagi lawatan muhibah ke dalam negeri Perlis untuk membawa mesej dan imej KUKUM dan KUKUM FT. Ini bertujuan untuk mendedahkan KUKUM FT ke seluruh penduduk negeri Perlis. Setakat ini hanya persekitaran tertentu sahaja yang mengetahui kekuatan KUKUM dalam acara bola sepak. Diharap dengan pendedahan ke setiap pelosok negeri Perlis akan menaikkan lagi kejayaan KUKUM FT dalam kancah bola sepak dalam negeri.

**Apakah harapan atau sasaran seterusnya untuk tahun 2005?**

Harapan pihak pengurusan KUKUM FT adalah terus mendapatkan sokongan dan rangsangan dari semua pihak agar KUKUM FT dapat berkembang dengan lebih luas dan mencapai kejayaan yang lebih gemilang. Sasaran KUKUM FT untuk 2005 adalah untuk mengekalkan kejuaraan yang sedia ada serta berhasrat untuk menambahkan koleksi kejuaraan dari pertandingan yang lain. Selain itu, Karnival Sukan Antara Universiti yang bakal beraksi di Universiti Malaya tahun 2005 ini merupakan landasan terbaik untuk mengukur sejauh mana KUKUM FT mampu menyaingi universiti-universiti lain.

Di samping itu, saya berharap KUKUM FT akan terus mengekalkan rentak permainan dan semangat kesukanan demi menaikkan imej universiti. Semoga pengorbanan yang dibuat oleh semua pemain dan pengurusan adalah demi mengharumkan nama universiti dan KUKUM FT sendiri dan bukan untuk mengejar demi mencapai kepentingan peribadi.

